

Newspaper	Berita Harian
Date	1 March 2016

'Tiada lagi duri dalam daging'

BH - 1/3/2016

Kuala Lumpur: Tindakan Tun Dr Mahathir Mohamad keluar UMNO tidak mengejutkan kerana sikap beliau terhadap parti itu sejak mutakhir ini.

Ahli Majlis Tertinggi, Datuk Dr Puad Zarkashi berkata ahli UMNO yang semakin matang akan bersatu kerana memahami bekas Perdana Menteri itu sudah tidak relevan.

"Saya percaya UMNO akan bertambah matang dan bersatu dengan tindakan berkenaan. Seku-

rang-kurangnya tiada duri dalam daging.

"Tun sebenarnya sudah lama hilang pertimbangan, maka tindakan beliau keluar UMNO tidak mengejutkan... bahkan tidak lagi relevan.

Tikam UMNO

"Dia sudah lama menikam UMNO kerana tindakan mengganggu kepemimpinan Najib sama seperti mensabotaj UMNO untuk kalah dalam Pilihan Raya Umum Ke-14

(PRU-14)," katanya kepada BH, semalam.

Mengulas lanjut, Puad berkata tindakan Dr Mahathir tepat kerana lebih baik berjuang dari luar selepas hampir setahun gagal menumbangkan Datuk Seri Najib Razak dari dalam UMNO.

"Tindakan Tun bukan gejala baharu. Tidak ramai yang ikut jejak Tun dan percaya kali ini tidak akan berpatah balik kepada UMNO," katanya.